



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

**KEM KASIH KELUARGA DAN SAMBUTAN NOVEMBER
BULAN KELUARGA KEBANGSAAN 2024
PERINGKAT NEGERI SARAWAK**

TARIKH/ MASA/ LOKASI

**16 NOVEMBER 2024 (SABTU) | 5.00 PETANG
PANTAI PUGU, LUNDU, SARAWAK**

Kemaskini 16 November 2024

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Malaysia Madani dan Salam Sarawak Maju Makmur

(SALUTASI AKAN DISEDIAKAN)

1. Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita semua dapat berkumpul untuk **Majlis Perasmian Kem KASIH Keluarga dan Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan 2024 Peringkat Negeri Sarawak** pada hari yang mulia ini.
2. Di kesempatan ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua peserta daripada pelbagai jabatan dan agensi di peringkat pusat dan negeri, Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta masyarakat dari dalam dan luar Sarawak, yang turut hadir bersama bagi memeriahkan program kita.

3. Sesungguhnya kebersamaan kita semua pada hari ini menzahirkan komitmen dan kesepaduan dalam pembentukan masyarakat yang sejahtera.
4. Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua rakan strategik kita: Pejabat Daerah Lundu, Majlis Daerah Lundu, Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Akademi Bomba, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Penerangan (JAPEN), Jabatan Mufti Sarawak, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak, Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak, Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM),

Persatuan Pengakap Malaysia, RELA, rakan-rakan media serta puan-puan dan tuan-tuan sekalian, kerana telah membantu dalam usaha menjayakan program kita pada hari ini.

5. **Kem KASIH Keluarga** ini yang diadakan untuk julung kalinya, merupakan salah satu program utama Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan 2024, yang telah dirasmikan oleh YABhg. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail pada 9 November 2024 bertempat di Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur.

PENGUKUHAN NILAI K.A.S.I.H KELUARGA BERTERASKAN PRINSIP MADANI

Puan-puan dan tuan-tuan yang dikasihi,

6. Saya percaya setiap daripada kita di sini menginginkan keluarga yang sejahtera, namun institusi keluarga zaman kini menghadapi pelbagai cabaran yang memberi kesan kepada kehidupan seharian kita.
7. Antara cabaran tersebut adalah menjaga kesihatan dan kesejahteraan keluarga, mengimbangi kerjaya dan masa bersama keluarga, memenuhi keperluan ekonomi,

keibubapaan anak kecil dan remaja, masalah dalam perkahwinan, serta penjagaan warga emas dan keluarga yang berkeperluan khas.

8. Berdasarkan Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga 2022, kesejahteraan keluarga di Malaysia adalah pada tahap sederhana tinggi dengan catatan **skor 7.93** daripada skala maksimum 10. Indeks ini mencatatkan peningkatan berbanding 2019 dengan catatan **skor 7.72**. Bagi Negeri Sarawak, skor yang dicatatkan ialah **7.82** iaitu berada pada tahap **sederhana berbanding 7.78 pada tahun 2019**.

9. Justeru itu, Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan merupakan salah satu usaha KPWKM dan LPPKN bagi menggembleng peranan semua pihak untuk membangunkan institusi kekeluargaan yang berdaya tahan dan sejahtera.
10. **“KASIH Keluarga, Jiwa MADANI”** telah dipilih sebagai tema sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan 2024. Tema ini menggariskan kepentingan elemen nilai kasih sayang dan keharmonian dalam keluarga dan merupakan asas kepada pembinaan masyarakat berteraskan prinsip MADANI.

11. Kem KASIH Keluarga menyediakan platform untuk kita semua mengadakan *quality time* bersama ahli keluarga tercinta. Pelbagai pengisian menarik telah disediakan supaya kita semua dapat merapatkan hubungan kekeluargaan, memupuk nilai kesepaduan serta kerjasama berpasukan antara sesama melalui aktiviti-aktiviti seperti pertandingan mendirikan khemah, futsal pantai, bola tampar pantai, aktiviti pembersihan pantai serta sukaneka keluarga (*Passing Kain Pelikat* dan *River Crossing Relay*).

12. Pengisian aktiviti-aktiviti secara santai ini mampu mengukuhkan institusi kekeluargaan serta meningkatkan tahap komunikasi bersama ahli keluarga. Ambillah peluang ini untuk mencipta kenangan dan momen indah bersama keluarga.

PELAKSANAAN SAMBUTAN BULAN KELUARGA KEBANGSAAN (BKK) OLEH SEMUA AGENSI KERAJAAN DI PERINGKAT PERSEKUTUAN DAN NEGERI

Puan-puan dan tuan-tuan yang dikasihi,

13. Pelaksanaan aktiviti Hari Keluarga (*Family Day*) di setiap Kementerian dan agensi Kerajaan juga perlu dijadikan acara wajib tahunan, terutamanya pada setiap bulan November. Semua Kementerian, agensi dan Kerajaan Negeri adalah diharapkan supaya dapat turut bersama dalam menjayakan dan merealisasikan bulan November ini sebagai Bulan Keluarga Kebangsaan. Saya difahamkan setakat hari ini, **tiga Kementerian** telah pun melaksanakan program Hari Keluarga di Kementerian masing-masing iaitu – **Kementerian Pengangkutan (MOT), Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Kementerian Ekonomi**. Syabas dan terima kasih diucapkan!

14. Bagi sektor swasta, NGO dan komuniti pula, amatlah digalakkan supaya melaksanakan program kesejahteraan keluarga mengikut kapasiti masing-masing.
15. Suka diingatkan bahawa majikan yang melaksanakan Hari Keluarga dan aktiviti kekeluargaan di tempat kerja layak mendapatkan pelepasan cukai. Puan-puan dan tuan-tuan boleh menghubungi pihak LHDN untuk penjelasan lanjut berhubung perkara ini.

16. Selain itu, menerusi **Pembentangan Belanjawan 2025** oleh YAB Perdana Menteri pada bulan lepas, KPWKM terus diberi kepercayaan untuk merealisasikan agenda pemerkasaan keluarga di Malaysia dengan peruntukan sebanyak **3.6 bilion ringgit**.
17. Insya-allah kami akan merancang dan melaksanakan program-program yang akan memanfaatkan semua masyarakat secara inklusif. Belanjawan 2025 juga menunjukkan keseriusan Kerajaan dalam memperkukuhkan institusi keluargaan tanpa mengabaikan adab dan susila.

PENUTUP

18. Akhir kata, buat semua keluarga di luar sana, sik kira walau di mana pun kitak orang berada, marilah sama-sama kita membenih kasih dan menuai jiwa dalam meraikan Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan tahun ini.
19. Semoga program dan sambutan ini menjadi nadi kasih sayang untuk semua keluarga kita, supaya terus dapat hidup secara harmoni demi menjaga kesejahteraan negara tercinta. Sememangnya, keluarga adalah anugerah terindah.

20. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan **Kem KASIH Keluarga** dan **Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan 2024 Peringkat Negeri Sarawak!**

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
16 November 2024